



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 7/2005

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pada menjunjung sabda perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijrah 1426/2005 Masihi adalah seperti berikut:-

Hari Isnin hingga Khamis	}	Jam	8.00 pagi hingga
dan Hari Sabtu	}		2.00 petang

2. Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari pula masa bekerja, hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi bicara Kementerian/Jabatan masing-masing.

Sekianlah sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung sabda perkenan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Timbalan Sultan.

"Akhlak Mulia, Kehidupan Sempurna"

[PG DATO PADUKA HJ ABD HAMID BIN PG HJ MOHD YASSIN]
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Ruj : (7) JPM/SK/2005

Tarikh : 18 Syaaban 1426
22 September 2005